

Jilid 3

Draf Rancangan Tempatan Daerah Tampin 2035

PLANMalaysia@Negeri Sembilan
Perancangan Melangkuai Kelaziman
Planning: Beyond Conventional



ISI KANDUNGAN

Bahagian I

4.1	Pengenalan	4
-----	------------	---

Bahagian II

4.2	Majlis Daerah Tampin Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan	5
4.3	Majlis Daerah Tampin Sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan	7
4.4	Penyediaan Draf Rancangan Tempatan Untuk Rujukan Pembangunan	7
4.5	Kawasan Kawalan Dan Pentadbiran Majlis Daerah Tampin	8
4.6	Perjawatan Majlis Daerah Tampin	9
4.7	Organisasi Majlis Daerah Tampin	10
4.8	Gred Perjawatan Majlis Daerah Tampin	11
4.9	Pemakaian <i>local agenda 21</i> dalam pentadbiran majlis daerah	12
4.10	Governans kemampuan pentadbiran PBT	14
4.11	Pencapaian menaik taraf kepada majlis perbandaran	15
4.12	Pendapatan MDT	16
4.13	Perbelanjaan MDT	17
4.14	Pelaksanaan Bagi Cadangan Projek-Projek RT Daerah Tampin 2035	20

Bahagian III

4.10A	Cadangan keperluan penambahan perjawatan	36
4.10B	Cadangan peningkatan hasil MDT	39
4.10C	Cadangan pelaksanaan terhadap cadangan projek pembangunan	40
4.11A	Cadangan Keperluan Naik Taraf Kepada Majlis Perbandaran	51
4.11B	Cadangan pemerkasaan urusadibir pintar Majlis Daerah Tampin	54



PENGURUSAN DAN PELAKSANAAN

- 4.1 Pengenalan**
- 4.2 Majlis Daerah Tampin Sebagai Pihak Berkuasa Tempatan**
- 4.3 Majlis Daerah Tampin Sebagai Pihak Berkuasa Perancang Tempatan**
- 4.4 Penyediaan Draf Rancangan Tempatan Untuk Rujukan Pembangunan**
- 4.5 Kawasan Kawalan Dan Pentadbiran Majlis Daerah Tampin**
- 4.6 Perjawatan MDT**
- 4.7 Organisasi MDT**
- 4.8 Gred Perjawatan MDT**
- 4.9 Pelaksanaan Local Agenda 21 Dalam Pentadbiran MDT**
- 4.10 Governans Kemampanan Pentadbiran PBT**
- 4.11 Pencapaian Menaik Taraf Kepada Majlis Perbandaran**
- 4.12 Pendapatan MDT**
- 4.13 Perbelanjaan MDT**
- 4.14 Pelaksanaan Bagi Cadangan Projek-projek Cadangan RT Daerah Tampin 2035**

4.1 PENGENALAN

Laporan Jilid 3 Rancangan Tempatan Daerah Tampin 2035 adalah perincian mengenai pengurusan dan pelaksanaan yang menjadi sokongan kepada dua (2) laporan utama iaitu Jilid 1 dan Jilid 2. Kandungan dalam laporan adalah seperti berikut :-

JILID 1 Strategi Pembangunan

Peta dan Pernyataan Bertulis yang memperincikan :-

- **Konsep dan Strategi Pembangunan**
- **Pelan Cadangan Pembangunan**
- **Pelan Zon Guna Tanah**

JILID 2 Kawalan Pembangunan

Melibatkan perkara-perkara :-

- **Pelan Guna Tanah RTD Tampin 2035**
- **Kawalan Ketinggian**
- **Nisbah Plot**
- **Intensiti Pembangunan**
- **Kelas Guna Tanah**
- **Garis Panduan Kawalan Pembangunan**

JILID 3 Pelan Pengurusan dan Pelaksanaan

Laporan Pelan Pengurusan memperincikan cadangan dan tindakan di bawah teras kajian yang keempat (Teras 4) iaitu urustadbir perbandaran efektif. Perincian laporan adalah :-

- i. Struktur pentadbiran majlis;
- ii. Kos perbelanjaan dan pendapatan; serta
- iii. Projek cadangan dan program pembangunan

Selain itu, laporan ini juga menjadi panduan bagi pihak MDT untuk menambahbaik pengurusan pembangunan dari segi program dengan komuniti, projek-projek yang berdaya laksana dan mampan seiring dengan matlamat dan objektif kajian RT Daerah Tampin 2035.



GAMBARAN DRONE PUSAT BANDAR GEMENCHEH

4.2 MAJLIS DAERAH TAMPIN SEBAGAI PIHAK BERKUASA TEMPATAN

Majlis Daerah Tampin berperanan sebagai pihak berkuasa tempatan (PBT) di dalam Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) dan juga sebagai pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) yang terkandung dalam Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171). Majlis Daerah berfungsi dalam mentadbir urus kawasan di Daerah Tampin. Selain itu, MDT juga berfungsi dalam mengawal dan merancang pembangunan tanah dan bangunan dalam kawasan pentadbirannya.

Secara terperincinya, fungsi MDT sebagai pihak berkuasa tempatan adalah :-

- 1 Menyediakan dan menyelenggara infrastruktur osas yang memuaskan dalam kawasan Majlis Daerah Tampin.
- 2 Merancang, mengawal dan melulus semua projek-projek pembangunan yang dijalankan oleh pihak swasta.
- 3 Memproses semua pelan-pelan bangunan yang dikemukakan berdasarkan undang-undang yang diterima pakai oleh Majlis Daerah Tampin.
- 4 Menyelenggara bangunan-bangunan termasuk kemudahan sukan, rekreasi dan taman.
- 5 Memberikan perkhidmatan kesihatan, kebersihan bandar dan alam sekitar untuk keselesaan hidup.
- 6 Menilai pegangan atau harta-harta yang terdapat dalam kawasan Majlis bagi menentukan cukai taksiran.
- 7 Menjalankan penguatkuasaan terhadap berbagai kesalahan berpandukan kepada undang-undang kecil dan akta yang digunakan.

AKTA 171: AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

BAHAGIAN II – PENTADBIRAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN

❖ Seksyen 3 : Pengisytiharan dan Penetapan taraf Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Bagi pentadbiran kerajaan tempatan di bawah Akta ini, Pihak Berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta

- (a) mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Negeri itu menjadi suatu kawasan pihak berkuasa tempatan;
- (b) memberi suatu nama kepada kawasan pihak berkuasa tempatan itu;
- (c) menentukan sempadan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu; dan
- (d) menetapkan taraf pihak berkuasa tempatan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu dan taraf itu adalah taraf Majlis Perbandaran atau Majlis Daerah.

❖ Seksyen 8 : Pentadbiran Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan

Hal ehwal tiap-tiap kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah ditadbirkan oleh suatu pihak berkuasa tempatan

BAHAGIAN V – PERUNTUKAN AM KEWANGAN

❖ Seksyen 39 : Hasil Pihak Berkuasa Tempatan

Hasil sesuatu pihak berkuasa tempatan adalah terdiri daripada :-

- (a) semua cukai, kadar, sewa, bayaran lessen dan lain-lain wang atau caj yang kena dibayar kepada pihak berkuasa tempatan itu menurut peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain;
- (b) semua caj atau keuntungan yang terbit daripada apa-apa perdagangan, perkhidmatan atau pengusahaan yang dijalankan oleh pihak berkuasa tempatan itu di bawah kuasa yang terletak hak padanya;
- (c) semua bunga atas apa-apa wang yang dilaburkan oleh pihak berkuasa tempatan itu dan semua pendapatan yang terbit daripada harta alih dan tak alih pihak berkuasa tempatan itu; dan
- (d) semua hasil lain yang terakru kepada pihak berkuasa tempatan itu daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau daripada mana-mana badan berkanun, lain-lain pihak berkuasa tempatan atau daripada mana-mana punca lain sebagai pemberian, sumbangan, dan lain-lain.

BAHAGIAN XII – KUASA TAMBAHAN PIHK BERKUASA TEMPATAN


❖ SEKSYEN 101 : KUASA TAMBAHAN PIHK BERKUASA TEMPATAN

Subseksyen (1) menjelaskan bahawa Pihak Berkuasa Tempatan mempunyai kuasa melakukan segala atau mana-mana perkara berikut :-

- a) Mendirikan, menyenggara dan memelihara bangunan untuk tempat tinggal kakitangan pihak berkuasa tempatan
- b) Menanam, memangkas atau membuang pokok
- c) Membina, menyenggara, menyelia dan mengawal taman awam, taman bunga, esplanade, taman rekreasi, padang permainan, taman permainan kanak-kanak, tempat terbuka, tempat bercuti, kolam renang, stadium, akuarium, gimnasium, pusat masyarakat dan bilik makan-minum
- d) Menjalankan kerja yang memberikan faedah am kepada penduduk di kawasan di bawah pentadbiran PBT
- e) Menyusun atur dan membina medan atau tempat terbuka kepunyaan PBT termasuk mendirikan patung, pancuran air atau lain-lain binaan
- f) Menubuhkan, mendirikan dan menyenggara monumen dan tugu awam
- g) Menubuhkan, memperoleh, mendiri, membina, menyenggara, membantu, memajukan, mengawal dan memberi serta menerima kewangan untuk perpustakaan, balai seni lukis dan muzium awam, taman bunga, taman binatang dan akuarium di dalam dan di luar kawasan PBT
- h) Menganjurkan, menubuhkan, menyenggara, mengawal, menyewa dan meberi sumbangan kepada pasukan pancaragam untuk mengadakan permainan muzik dan sandiwara di tempat awam dan di majlis perayaan am
- i) Mengadakan, mendirikan dan menyenggara mesin timbang awam serta menyelia dan mengawal alat timbang dan sukat
- j) Mengadakan, mendirikan, menyenggara menyelia dan mengawal tempat mandi awam, tempat membasuh dan mencuci pakaian dan telaga
- k) Membuat perkiraan untuk mengadakan lampu di lebuh dan tempat awam
- l) Mengadakan dan menyenggara perkhidmatan ambulan
- m) Memperoleh, menubuhkan, mendirikan, menyenggara serta mengawal secara sendiri atau bersama dengan mana-mana badan dan lain-lain pihak berkuasa, klinik dan dispensari awam di dalam atau di luar kawasan PBT
- n) Menubuhkan, mendirikan dan menyenggara rumah sakit binatang
- o) Mengadakan, memperoleh, menyenggara dan menjalankan perkhidmatan pengangkutan
- p) Mendirikan dan menyenggara kedai dan rumah kediaman dan menjual, menyewa atau melupuskannya
- q) Memperoleh, memajukan dan menyenggara tanah estet perindustrian dan melupuskannya
- r) Menjual, memajak atau melupuskan mana-mana harta alih atau harta tak alih pihak berkuasa tempatan
- s) Memperoleh, membeli atau mengambil atas pajakan mana-mana tanah, harta, hak atau lain-lain kepentingan di dalam atau di luar kawasan pihak berkuasa tempatan
- t) Mengadakan dan menyenggara rumah tempat tinggal termasuk rumah istirehat, kelab dan padang permainan untuk pegawai dan pekerja pihak berkuasa tempatan
- u) Memberi bantuan kewangan atau lain-lain bantuan kepada anggota Majlis untuk mengikuti kursus pengajian dan latihan praktik yang telah diluluskan mengikuti terma dan syarat yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan
- v) Melakukan perkara yang bermanfaat untuk keselamatan, kesihatan dan kemudahan awam
- w) Membayar gaji, elauan dan ganjaran serta membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan
- x) Membayar belanja perubatan kepada mana-mana Ahli Majlis
- y) Membayar kepada Ahli Majlis, pegawai dan pekerja yang bertugas yang menghadiri mesyuarat, persidangan atau seminar yang telah diatur untuk pentadbiran kerajaan tempatan dari segi elauan perjalanan, belanja hidup dan elauan lain mengikut apa-apa kadar yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan dari semasa ke semasa
- z) Mengiklankan dan mempublisiti kemudahan dan kelebihan yang terdapat di dalam atau sekitar kawasan pihak berkuasa tempatan bertujuan untuk pelancongan
- aa) Menjalankan kerja-kerja membekalkan elektrik untuk kegunaan di mana-mana tanah, bangunan atau premis di dalam kawasan pihak berkuasa tempatan
- bb) Menjalankan apa-apa aktiviti pengusahaan perumahan, perdagangan, perindustrian atau pengusahaan lain yang ditentukan oleh pihak berkuasa tempatan

4.3 MAJLIS DAERAH TAMPIN SEBAGAI PIHAK BERKUASA PERANCANG TEMPATAN

Berdasarkan Seksyen 5, Subseksyen (1) dalam perundangan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) menjelaskan bahawa pihak berkuasa tempatan hendaklah menjadi pihak berkuasa perancang tempatan bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu.



**AKTA PERANCANGAN
BANDAR DAN DESA 1976
(AKTA 172)**

BAHAGIAN II – DASAR DAN PENTADBIRAN

❖ Seksyen 6 : Fungsi Pihak Berkuasa Perancang Tempatan

Subseksyen (1): Fungsi suatu pihak berkuasa perancang tempatan adalah –

- (a) Untuk mengawal selia, mengawal dan merancang pemajuan penggunaan semua tanah dan bangunan dalam kawasannya;
- (b) Untuk mengusahakan, membantu dan menggalakkan pemungutan, penyenggaraan dan penyiaran perangkaan, buletin dan monograf dan penyiaran lain yang berhubungan dengan perancangan bandar dan desa dan perkaedahannya; dan
- (c) Untuk melaksanakan apa-apa fungsi lain yang ditugaskan kepadaanya dari semasa ke semasa oleh Pihak Berkuasa Negeri atau oleh Jawatankuasa.

4.4 PENYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN UNTUK RUJUKAN PERANCANGAN

Semua agensi pembangunan peringkat daerah dan negeri harus menjadikan RTDT 2035 sebagai rujukan semasa membuat sebarang perancangan berkaitan dengan peranan agensi masing-masing ke arah memajukan Daerah Tampin menjelang 2035.

❖ Seksyen 12(2)- Jika suatu rancangan struktur bagi Negeri telah berkuat kuasa, pihak berkuasa perancang tempatan hendaklah dengan secepat melaksanakan penyediaan suatu draf rancangan tempatan bagi seluruh kawasannya.

Draf rancangan tempatan ini membantu perancangan tahunan dan berkala yang dirancang oleh pelbagai agensi awam dengan kerjasama pihak berkuasa tempatan. Kandungan penyediaan draf rancangan tempatan dijelaskan di dalam;

❖ Seksyen 12(3) – Suatu draf rancangan tempatan hendaklah mengandungi suatu peta dan pernyataan bertulis dan hendaklah;

- (a) merumuskan, yang mengandungi apa-apa perincian yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan mengenai cadangannya bagi :-
 - i. Memajukan;
 - ii. Menggunakan tanah;
 - iii. Melindungi dan memperelok alam sekitar dari segi fizikal bagi;
 - iv. Memelihara topografi semula jadi;
 - v. Memperelok landskap;
 - vi. Memelihara dan menanam pokok dalam;
 - vii. Mengadakan tanah lapang dalam;
 - viii. Memelihara dan mengindahkan ciri dan rupa bangunan dalam;
 - ix. Memperelok sistem komunikasi dalam;
 - x. Menguruskan lalu lintas dalam



❖ Seksyen 12(4) – suatu draf rancangan tempatan bagi sesuatu kawasan hendaklah mengandungi atau disertakan dengan, gambarajah, gambaran dan bahan perihalan yang difikirkan sesuai oleh pihak berkuasa perancang tempatan yang bertujuan menjelaskan atau menerangkan cadangan dalam rancangan itu.


4.5 KAWASAN KAWALAN DAN PENTADBIRAN (OPERASI) MDT

Kawasan MDT telah diwartakan mengikut Pelan Warta PW 5527 pada 01 Januari 2016 yang merangkumi keseluruhan sejumlah 87,868.82 hektar.

Berdasarkan Akta 171, bagi pentadbiran pihak berkuasa tempatan dijelaskan dalam Seksyen 4 (Penukar nama dan taraf, dan pengubahan sempadan) dan Subseksyen 3 iaitu Pihak berkuasa Negeri, dengan berunding dengan Menteri dan Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya, boleh, melalui pemberitahuan dalam Warta, mengubah sempadan mana-mana kawasan pihak berkuasa tempatan.

Kawasan MDT terbahagi kepada dua kawasan iaitu kawalan dan kawasan pentadbiran (operasi). Kawasan kawalan merupakan kawasan yang tertakluk kepada kawalan perancangan yang merangkumi kawasan seluas 55,890.31 hektar. Manakala kawasan pentadbiran (operasi) pula ialah kawasan yang tertakluk kepada penguatkuasaan, pembayaran cukai taksiran, perkhidmatan dan penyelenggaraan oleh MDT dengan keluasan 31,978.51 hektar.

Cadangan perluasan kawasan operasi membantu dalam pelaksanaan bayaran perkhidmatan dan cukai taksiran melalui cadangan projek RT yang mempunyai fokus pembangunan utama di tiga bandar utama iaitu Tampin, Gemencheh dan Gemas.



PETUNJUK

	Kawasan	Jumlah keluasan (hektar)
	Operasi MDT	31,978.51
	Kawalan MDT	55,890.31
Jumlah		87,868.82

— Sempadan Blok Perancangan

4.6 PERJAWATAN MDT


Perjawatan dalam MDT pada tahun 2019 mempunyai jumlah kakitangan seramai 139 orang perjawatan. Pengurusan pentadbiran MDT diketuai oleh Yang Dipertua dan mempunyai Setiausaha Majlis yang dibantu oleh ketua unit dan jabatan yang berkelayakan daripada kalangan Gred JA29.

- a) kumpulan pengurusan dan profesional tiada penambahan kakitangan dan terdiri daripada kalangan jawatan Penolong Pegawai (Gred JA29).
- b) Keperluan penambahan perjawatan bagi kumpulan profesional (lantikan pegawai) bagi setiap ketua jabatan MDT berupaya membantu MDT dinaik taraf ke Majlis Perbandaran.


Jadual 4.1: Jumlah Perjawatan mengikut kumpulan pekerja

Kumpulan	Tetap	Kontrak	Jumlah
TAHUN 2016			
Pengurusan & Profesional	3	-	3
Pelaksana	140	-	140
Jumlah	143		
TAHUN 2017			
Pengurusan & Profesional	2	-	2
Pelaksana	139	38	177
Jumlah	179		
TAHUN 2018			
Pengurusan & Profesional	3	-	3
Pelaksana	137	-	137
Jumlah	140		
TAHUN 2019			
Pengurusan & Profesional	3	-	3
Pelaksana	136	-	136
Jumlah	139		
Jumlah Keseluruhan	563	38	601


Sumber: Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Tampin, 2020



Bilangan Kumpulan perjawatan Majlis Daerah Tampin



4.7 ORGANISASI MDT



4.8 GRED PERJAWATAN MDT

Jadual 4.3 menunjukkan jumlah tenaga kerja MDT pada Tahun 2019 mengikut gred perjawatan.

Jadual 4.3: Jumlah Gred dan Perjawatan mengikut kumpulan pekerja

YANG DIPERTUA														
SETIAUSAHA/PEGAWAI TADBIR (N41/44)														
24 Ahli Majlis														
Setiausaha Pejabat			Unit Koperat & Perhubungan Awam			Unit Undang-Undang				Unit Pusat Sehenti (OSC)				
N29/N30/N32		1	N22		1	L29/32		1	J29/JA30/JA36		1			
						N19/N22		1	N19/N22		1			
						N11/N14					1			
Jabatan Khidmat Pengurusan		Jabatan Perbendaharaan		Jabatan Kejuruteraan Dan Bangunan		Jabatan Perancang Dan Lanskap		Jabatan Penilaian		Jabatan Pelesenan Dan Kesihatan Awam		Jabatan Penguatkuasaan		
Gred	Jumlah	Gred	Jumlah	Gred	Jumlah	Gred	Jumlah	Gred	Jumlah	Gred	Jumlah	Gred	Jumlah	
N29/ N32	1	WA41/ WA44	1	JA29/ JA30/ JA36	7	JA29/ JA36	3	W32	1	U32	1	KP2/ KP32	1	
FA29/ FA32	1	W29/ 32	2	JA19/ JA22	2	N19/ N22	3	W19/ W22	3	U29/ U32	1	N19/ N22	1	
N26	1	N19/ N22	5	N17/ N22	2	H11/ H14	54	N19/ N22	1	N19/N2 2	2	KP19/ KP22	10	
N19/ N22	6	W19/ W22	2			R1/ R4	1					KP11/ KP14	5	
FT19/ FT22	1	N11/ N14	6									H11/ H14	1	
N11/ N14	4													
H11/ H14	1													

Sumber: Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Tampin, 2019

Matlamat MDT untuk menaik taraf fungsi majlis Daerah kepada Majlis Perbandaran memerlukan penambahan jabatan untuk pengurusan pentadbiran yang lebih cekap. Jadual 4.4 adalah perbandingan struktur organisasi di antara Majlis Perbandaran di Alor Gajah dengan Majlis Daerah Tampin.

Jadual 4.4: Senarai Jabatan Antara Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah

MP ALOR GAJAH	MD TAMPIN
Jabatan Khidmat Pengurusan	Jabatan Khidmat Pengurusan
Jabatan Kewangan	Jabatan Perbendaharaan
Jabatan Kejuruteraan	Jabatan Kejuruteraan dan Bangunan
Jabatan Perancangan Bandar	Jabatan Perancang Bandar Dan Lanskap
Jabatan Penilaian Dan pengurusan Harta	Jabatan Penilaian
Jabatan Kebersihan Dan Kesihatan	Jabatan Pelesenan dan Kesihatan Awam
Jabatan Perundangan & Penguatkuasaan	Jabatan Penguatkuasaan
Jabatan Bangunan	
Jabatan Pelesenan	
Jabatan Khidmat Masyarakat	
Jabatan Pengindahan Bandar	

Sumber: Bahagian Pentadbiran Majlis Daerah Tampin, 2019

Perbandingan menunjukkan MDT memerlukan penambahan tiga (3) Jabatan iaitu Jabatan Penilaian Dan pengurusan Harta, Jabatan Perundangan Dan Penguatkuasaan dan Jabatan Khidmat Masyarakat.

4.9 PELAKSANAAN LOCAL AGENDA 21 DALAM PENTADBIRAN MDT

Perlaksanaan dan pengurusan oleh MDT dengan perlu berfokuskan kepada pelan pembangunan mampan Agenda 21 yang dilaksanakan bersama-sama semua pihak berkepentingan. Teras Agenda 21 adalah program yang melibatkan antara kerjasama masyarakat, pihak berkuasa tempatan dan sektor swasta dalam pengurusan perancangan berasaskan kepada teras pembangunan mampan. Penglibatan tiga kumpulan iaitu masyarakat, sektor awam dan sektor swasta membantu dalam mempengaruhi dan memperkasakan proses membuat keputusan seperti digambarkan di dalam rajah dibawah :-



- **BAHAGIAN TIGA : PELAN PEMBANGUNAN MAMPAN AGENDA 21**
- **BAB 28 (Inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Dalam Merealisasikan Pembangunan Mampan)**



Dialog Bersama Antara Pihak Berkuasa Tempatan Dengan Masyarakat Setempat, Organisasi Tempatan dan Sektor Swasta

- Rundingan antara pihak berkuasa tempatan dengan masyarakat setempat, komuniti, organisasi tempatan dalam membentuk strategi yang terbaik.
- Proses rundingan membantu dalam meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap isu pembangunan mampan.
- Program, polisi, undang-undang dan penguatkuasaan oleh pihak berkuasa tempatan untuk mencapai objektif Agenda 21 boleh dinilai dan dipinda berdasarkan pelaksanaan program-program tempatan.



Memupuk Perkongsian Antara PBT Dan Organisasi Di Peringkat Nasional Dan Antarabangsa

- Input dan sokongan daripada pelbagai peringkat nasional dan antarabangsa membantu pihak berkuasa tempatan untuk melakukan penambah baikan dari segi pengurusan dan pentadbirannya.

Kajian RT Daerah Tampin 2035 mempunyai 4 teras utama pembangunan iaitu (i) perancangan guna tanah fizikal lestari, (ii) pengukuhan ekonomi berdaya maju, (iii) sosial sejahtera dan kualiti hidup dan (iv) urustadbir perbandaran efektif yang menekankan kepada aspek pencapaian pembangunan mampan.



Jadual 4.1 menunjukkan senarai program komuniti yang telah dilaksanakan oleh pihak MDT bermula dari tahun 2016 sehingga tahun 2019 bersama komuniti tempatan di bawah program Local Agenda 21.

Jadual 4.1: Program-program komuniti yang dijalankan oleh pihak Majlis Daerah Tampin

Program/Aktiviti	Penerangan	Lokasi
Program Pembasmian Emiskinan Bandar	• Dilaksanakan semasa pembentukan RMK-9 (tahun 2006-2010)	• Sekitar Daerah Tampin
Pertandingan Anugerah Medan Selera Bersih, Selamat dan Sihat Tampin Eco Challenge (TEC) 2019	• Dilaksana pada Ogos 2019	• Dewan Bandaran Tampin
Dialog Rakyat	• Tahun 2019	• Tampin Extreme Park
Gotong Royong Bersepadu	• Februari 2019	• Pekan Lama Gemencheh
Program Gotong Royong	• Oktober 2018	• Kolam Gunung Tampin • Taman Gemencheh baru
Program Rakan Taman	• September 2018 • Ogos 2018	• Balairaya Taman Desa Permai, Gemas • Dewan Terbuka Taman Regent, Gemencheh • Taman Clonlee 2
Pelancaran Projek Kebun Komuniti	• Mac 2018	• KRT Gemencheh fasa baru
Program Kayuhan Santai Komuniti dan Program Kemerdekaan Tadika Kemas Parlimen	• Oktober 2017	• Tampin
Larian Obor Sukan SEA Kuala Lumpur 2017	• Mei 2017	• Dataran Tampin Square
Senamrobik Bersama YDP	• Februari 2016	• Tampin

Sumber: Rancangan Tempatan Daerah Tampin 2035

Penemuan merumuskan bahawa;

- Kurang pelaksanaan program ke arah rendah karbon melalui pelan-pelan tindakan rendah karbon.
- Kurang tumpuan pelaksanaan program komuniti di kawasan petempatan pekan kecil dan penempatan Felda.

4.10 GOVERNANS PENTADBIRAN PBT

Prinsip Governans adalah penting diterapkan dalam setiap PBT bagi mewujudkan sebuah institusi yang lebih efektif, cekap, adil dan mempunyai tanggungjawab terhadap pengurusan dan pemantauan komuniti tempatan dan kawasan pentadbirannya.

Berikut adalah prinsip-prinsip governans baik yang seharusnya diamalkan oleh pihak MDT dalam pelaksanaan RT Daerah Tampin 2035.

Perancangan dan pengurusan MDT sebagai PBT dengan projek-projek dan aktiviti yang dilaksanakan perlu mengambilkira pada prinsip-prinsip Governans Baik seperti mana dijelaskan oleh **United Nations : Economic and Social Commission for Asia and The Pacific** seperti berikut :-



Penyertaan

- a) Prinsip penyertaan yang adil, kebebasan mana-mana pihak untuk menyertai dan tidak melibatkan unsur penipuan.



Prinsip Perundangan

- a) Pihak Berkuasa Tempatan perlu menguatkuasa undang-undang dan keputusan kehakiman.
- b) Mengguna pakai peraturan secara adil dan mengikut undang-undang.



Ketelusan

- a) Penguatkuasaan dan keputusan yang dilaksanakan mengikut prosedur yang baik dan mematuhi undang-undang.
- b) Segala maklumat adalah mudah untuk didapati oleh pihak yang terlibat dengan dengan keputusan dan penguatkuasaan.



Berorientasikan Konsensus

- a) Prinsip yang melibatkan pengantaraan daripada berbeza kepentingan dalam masyarakat untuk mencapai konsensus masyarakat pada kepentingan yang terbaik untuk komuniti dan bagaimana untuk mencapainya.



Responsif

- a) Objektif, peraturan, struktur dan prosedur hendaklah mengadaptasi dengan keperluan masyarakat, perkhidmatan, permohonan dan aduan perlu bertindak balas dalam jangka masa yang berpatutan.



Ekuiti dan Inklusif

- a) Kesejahteraan semua masyarakat termasuk mana-mana kumpulan yang kurang mendapat manfaat tidak terkecuali untuk mendapat peluang memperbaiki dan mengekalkan kesejahteraan.



Keberkesanan & kecekapan

- a) Sumber sedia ada perlu digunakan dengan baik dan keberkesanan perkhidmatan hendaklah dinilai dan diperbaiki sentiasa.



Akauntabiliti

- a) Semua pembuat keputusan, persatuan dan pertubuhan serta mana-mana individu hendaklah bertanggungjawab dengan keputusan yang telah dibuat dan secara jelas.

4.11 PENCAPAIAN PENAIKTARAFAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN

Status MDT untuk dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran adalah merupakan matlamat ke arah pembentukan perbandaran yang lebih efektif dan berdaya laksana.

Berikut adalah aspek yang perlu diambil kira dalam mengukur keupayaan Majlis Daerah Tampin untuk dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) iaitu :-

- Definisi perbandaran
- Penduduk pada tahun unjuran 2035
- Pendapatan Majlis secara tahunan
- Perkhidmatan
- Pembangunan ke arah pembangunan mampan
- Kemudahan lain

Jadual 4.5: Analisis menaik taraf status Majlis Daerah Tampin

Bil	Kriteria	Justifikasi	Status Pencapaian Semasa																									
			Mencapai	Tidak Mencapai																								
Definisi Perbandaran																												
1	Bandar utama atau pusat pentadbiran sesebuah negeri ataupun daerah	Bandar Tampin sebagai :- • Pusat Wilayah Negeri • Pusat Katalis • Bandar tempatan • Pusat pentadbiran Negeri	✓																									
Penduduk pada tahun unjuran 2035																												
2	Melebihi 150,000 orang	Penggunaan Kaedah Alternatif 2, dengan jumlah penduduk unjuran <ul style="list-style-type: none"> • Unjuran penduduk sehingga Tahun 2035 <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <td>2020</td><td>2025</td><td>2030</td><td>2035</td></tr> <tr> <td>98,140</td><td>107,169</td><td>115,566</td><td>123,397</td></tr> </table> • Bagi Tahun 2050 mencapai kriteria ini ialah :- <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <td>2035</td><td>2040</td><td>2045</td><td>2050</td></tr> <tr> <td>123,397</td><td>134,502</td><td>146,607</td><td>159,801</td></tr> </table> • unjuran guna tenaga dengan purata peratusan pertambahan 1.71% setahun <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <td>2020</td><td>2025</td><td>2030</td><td>2035</td></tr> <tr> <td>42,495</td><td>46,619</td><td>50,849</td><td>54,912</td></tr> </table> 	2020	2025	2030	2035	98,140	107,169	115,566	123,397	2035	2040	2045	2050	123,397	134,502	146,607	159,801	2020	2025	2030	2035	42,495	46,619	50,849	54,912	✓	
2020	2025	2030	2035																									
98,140	107,169	115,566	123,397																									
2035	2040	2045	2050																									
123,397	134,502	146,607	159,801																									
2020	2025	2030	2035																									
42,495	46,619	50,849	54,912																									
Pendapatan Majlis Secara Tahunan																												
3	sumber kewangan yang mapan (sustainable) hasil tahunan tidak kurang dari RM20 juta dan berupaya menyediakan perkhidmatan yang selesa	<ul style="list-style-type: none"> • Sumber hasil tahunan sedia ada telah mencukupi dan mencapai kriteria sumber kewangan yang mampan. • Hasil pendapatan Majlis Daerah Tampin pada tahun 2019 adalah RM25,720,711 juta telah mencapai kriteria tahunan namun perbelanjaan melebihi pendapatan yang menjadikan kewangan MDT mengalami defisit kewangan yang terkawal; 	✓																									

Sumber: Rancangan Daerah Tampin 2035
Jabatan Kerajaan Tempatan, 2019
Murninets 2.0,2017

4.11 PENCAPAIAN PENAIKTARAFAN KEPADA MAJLIS PERBANDARAN

Jadual 4.5: Analisis menaik taraf status Majlis Daerah Tampin

Bil	Kriteria	Justifikasi	Status Pencapaian Semasa																	
			Mencapai	Tidak Mencapai																
Perkhidmatan																				
3	<p>Menyediakan ruang dan peluang kepada para peniaga</p> <p>Menggalakkan pertumbuhan aktiviti pelaburan, perniagaan dan komersial</p>	<ul style="list-style-type: none"> Unjuran Ruang Lantai Perniagaan <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <th>2020</th><th>2025</th><th>2030</th><th>2035</th></tr> <tr> <td>48,088</td><td>52,512</td><td>56,627</td><td>60,464</td></tr> </table> Unjuran Ruang Lantai Perindustrian <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <tr> <th>2020</th><th>2025</th><th>2030</th><th>2035</th></tr> <tr> <td>1,482,670</td><td>1,626,485</td><td>1,769,950</td><td>1,898,435</td></tr> </table> Tren keperluan ruang lantai pada tahun unjuran mempunyai ruang lantai yang terhad disebabkan faktor pertumbuhan penduduk 	2020	2025	2030	2035	48,088	52,512	56,627	60,464	2020	2025	2030	2035	1,482,670	1,626,485	1,769,950	1,898,435		✓
2020	2025	2030	2035																	
48,088	52,512	56,627	60,464																	
2020	2025	2030	2035																	
1,482,670	1,626,485	1,769,950	1,898,435																	
Pembangunan ke arah pembangunan mampan																				
4	<p>Perancangan bandar yang mampan (<i>sustainable</i>) yang berupaya menyediakan persekitaran yang selamat dan selesa untuk didiami.</p> <p>Indikator bandar mampan seperti yang ditekankan dalam Sistem Malaysia Urban Indicator Network (MURNInet)</p>	<ul style="list-style-type: none"> Penilaian kemampunan RT Daerah Tampin 2035 menunjukkan peratusan yang semakin menurun dari tahun 2017 sehingga tahun 2018. <p>Jadual 4.14: Perbandingan Peratusan Indeks Kemampunan Majlis Daerah Tampin</p> <table border="1" style="margin-left: 20px;"> <thead> <tr> <th>Tahun</th><th>Indeks Kemampunan (%)</th><th>Kemampunan</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>2015</td><td>90%</td><td>mampan</td></tr> <tr> <td>2017</td><td>87%</td><td>mampan</td></tr> <tr> <td>2018</td><td>83%</td><td>mampan</td></tr> </tbody> </table> <p>Sumber: Murninets</p>	Tahun	Indeks Kemampunan (%)	Kemampunan	2015	90%	mampan	2017	87%	mampan	2018	83%	mampan		✓				
Tahun	Indeks Kemampunan (%)	Kemampunan																		
2015	90%	mampan																		
2017	87%	mampan																		
2018	83%	mampan																		
Kemudahan Lain																				
3	Menggalakkan penduduk setempat untuk membangunkan komuniti masing-masing melalui tadbir urus bandar yang cekap seperti pelaksanaan Program Local Agenda 21 (LA 21)	<ul style="list-style-type: none"> Pelaksanaan program komuniti di Kawasan Daerah Tampin adalah seperti berikut: <ol style="list-style-type: none"> Program Pembasmian kemiskinan bandar Pertandingan Anugerah Medan Selera bersih, selamat dan sihat Tampin Eco Challenge (TEC) 2019 Dialog Rakyat Sambutan Hari Wanita Antarabangsa Gotong Royong Bersepadu Hari Tandas Sedunia Sambutan Maulidur Rasul Program Gotong Royong Program Rakan Taman Pelancaran Projek Kebun Komuniti Program kayuhan santai komuniti dan program kemerdekaan tadika kemas parliment Larian Obor Sukan SEA Kuala Lumpur 2017 Senamrobi Bersama YDP 		✓																

Sumber: Rancangan Daerah Tampin 2035
Jabatan Kerajaan Tempatan, 2019
Murninets 2.0,2017

4.12 PENDAPATAN MDT

Sumber kewangan yang mampan adalah aspek utama bagi menilai kecekapan sesebuah organisasi dari aspek pengurusan dan pentadbiran. Dalam sistem pentadbiran kerajaan tempatan, sumber kewangan diperoleh daripada sumber hasil yang telah ditetapkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), diperolehi, disimpan dan dibelanjakan untuk pengurusan dan pentadbiran MDT bagi memelihara kepentingan awam.

Jadual 4.6 menunjukkan pendapatan MDT dari Tahun 2016 hingga Tahun 2019 yang jumlah RM92,184,432 juta. Perolehan pendapatan dalam adalah penting untuk membantu dalam menguruskan dan melaksanakan pembangunan sosial, ekonomi dan alam sekitar bagi mencapai visi dan misi MDT.

Jadual 4.6: Pendapatan Majlis Daerah Tampin Tahun 2016 - 2019

PENDAPATAN	2016	2017	2018	2019
HASIL CUKAI				
Cukai Taksiran	5,268,722	5,391,334	5,728,716	5,700,538
Caruman Membantu Kadar	871,281	868,372	858,169	933,148
Jumlah	6,140,003	6,259,706	6,586,885	6,633,686
HASIL BUKAN CUKAI				
Lesen dan Permit	1,158,420	1,130,643	1,203,068	1,571,500
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	623,129	664,256	770,079	620,825
Perolehan dari Jualan Barang	101,708	81,223	135,624	203,204
Keuntungan Pelupusan Hartanah	-	-	-	-
Sewaan	771,622	803,231	703,553	544,392
Faedah, Keuntungan daripada Al-Mudharabah dan Perolehan daripada Pelaburan	309,713	372,744	352,190	370,664
Kompaun dan Denda	222,685	295,934	422,565	365,208
Sumbangan dan Bayaran Gantirugi	14,947	256,327	197,088	269,296
Jumlah	3,202,264	3,604,358	3,784,167	3,945,089
PELBAGAI TERIMAAN				
Geran Keseimbangan	1,382,672	1,382,672	1,382,672	1,382,672
Pelbagai Geran	-	-	-	-
Kredit Tertunda	-	-	-	-
Pelbagai Penerimaan	17,701,018	7,323,029	13,759,264	7,714,275
Jumlah	19,083,690	8,705,701	9,096,947	15,141,936
JUMLAH PENDAPATAN	28,425,957	18,569,765	19,467,999	25,720,711

Sumber: Jabatan Perbendaharaan Majlis Daerah Tampin, 2020

4.13 PERBELANJAAN MDT

Sumber perbelanjaan MDT melibatkan lima (5) kategori iaitu emolumen, perkhidmatan dan bekalan, pemberian dan kenaan tetap, perbelanjaan lain dan susutnilai dari tahun 2016 hingga tahun 2019 ialah sebanyak RM115, 059,924 juta.

Jadual 4.7: Perbelanjaan Majlis Daerah Tampin Tahun 2016 - 2019

PERBELANJAAN	2016	2017	2018	2019
EMOLUMEN				
Gaji dan Upahan	3,496,565	3,636,265	3,663,428	3,750,619
Elaun Tetap	872,357	938,213	898,130	924,461
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	638,266	723,419	752,644	884,942
Elaun Lebih Masa	75,072	63,973	112,693	131,864
Faedah Kewangan Yang Lain	185,500	188,000	479,412	653,522
Elaun Ahli Majlis	167,485	153,620	158,600	170,523
Jumlah	5,435,245	5,703,490	6,064,907	6,515,931
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN				
Perjalanan, Sara Hidup dan Sumber Tenaga Manusia	51,401	46,195	53,281	107,008
Pengangkutan Barang-barang	503	1,006	1,159	-
Perhubungan dan Utiliti	1,699,551	1,636,425	1,762,046	1,831,513
Sewaan	28,927	34,572	25,481	39,740
Bekalan Bahan-bahan Mentah	255	324	-	-
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	429,257	495,683	442,977	483,876
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	152,269	198,051	122,869	119,562
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	3,362,774	3,833,653	3,662,115	3,981,623
Jumlah	5,724,937	6,245,909	6,069,928	6,563,322
PEMBERIAN DAN KENAAN TETAP				
Tuntutan Insuran dan Pampasan	39,530	3,154	180	-
Ganjaran	31,700	23,450	89,620	15,351
Gantian Cuti Rehat	15,864	39,660	997,772	189,170
Jumlah	87,094	66,264	1,087,572	204,521
PERBELANJAAN LAIN				
Pelbagai Perbelanjaan Yang Tidak Dijeniskan	25,884	26,930	28,304	30,170
Perbelanjaan Pembangunan	8,792,930	5,036,314	5,668,822	11,135,687
Pulang balik dan Hapus kira	1,620	11,149	226	6,854
Hutang Ragu	579,143	607,280	135,929	134,841
Jumlah	9,399,577	5,681,673	5,561,423	11,037,870
SUSUTNILAI	2,058,679	2,154,235	14,741,716	14,647,647
JUMLAH PERBELANJAAN	22,705,532	19,851,571	33,533,530	38,969,291


Sumber: Jabatan Perbendaharaan Majlis Daerah Tampin, 2020

Pengurusan Perbelanjaan Dan Pendapatan MDT


	2016	2017	2018	2019
PENDAPATAN	RM 28,425,957	RM 18,569,765	RM 19,467,999	RM 25,720,711
PERBELANJAAN	RM 22,705,532	RM 19,851,571	RM 33,533,530	RM 38,969,291
(PENDAPATAN-PERBELANJAAN)	11.18%	-3.34%	-26.5%	-20.5%
(Lebihan Tahunan) +/-	RM5,720,425	(RM1,281,806)	(RM14,065,531)	(RM13,248,580)

- a) Pengurusan kewangan MDT berlaku lebih perbelanjaan bermula dari Tahun 2017 hingga Tahun 2019 (Defisit)
- b) Prestasi kewangan tahunan yang tidak memberi keuntungan memerlukan strategi perancangan kewangan yang lebih efektif untuk mencapai usaha menaik taraf status perbandaran.

Faktor Lebihan Perbelanjaan Dan Pendapatan



Rajah 4.2: Peratusan Pendapatan MDT Tahun 2016-2019




Rajah 4.3: Penyata Perbelanjaan MDT Tahun 2016-2019

- a) Sumber pendapatan utama adalah daripada hasil pelbagai terimaan iaitu sebanyak 56.4%. Diikuti pula dengan hasil cukai sebanyak 27.8% manakala hasil bukan cukai hanya 15.8%. Keperluan meningkatkan hasil cukai melalui penguatkuasaan bayaran cukai taksiran berpotensi meningkatkan kewangan MDT.
- b) Sumber perbelanjaan yang paling utama adalah perbelanjaan lain iaitu 27.5% yang merangkumi sumber perbelanjaan pembangunan manakala lain-lain perbelanjaan adalah perkhidmatan dan bekalan serta perbelanjaan kakitangan (emolumen).

► Unjuran Perbelanjaan dan Pendapatan MDT

Pengurusan kewangan MDT telah mensasarkan kenaikan perbelanjaan sebanyak 1.2% dan pendapatan MDT adalah berdasarkan peratusan kumulatif KPPT sebanyak 5.5% per setahun.



4.14 PELAKSANAAN BAGI CADANGAN PROJEK-PROJEK RT DAERAH TAMPIN 2035

Cadangan-cadangan projek pembangunan dalam RT Daerah Tampin 2035 merangkumi dua (2) kategori iaitu projek (fizikal) dan program pembangunan (projek bukan fizikal). Kategori projek adalah berdasarkan tindakan projek cadangan yang terdiri daripada cadangan projek berbentuk fizikal dan projek daripada program/aktiviti yang dicadangkan dalam Teras 1, Teras 2 dan Teras 3 yang merangkumi jumlah 124 Tindakan.

RT Daerah Tampin 2035 juga telah dibahagikan kepada tiga (3) fasa pelaksanaan berdasarkan keutamaan dan skala projek atau program supaya pelaksanaannya dapat dijalankan secara berperingkat mengikut kepentingan dan keutamaannya. Berikut adalah perincian fasa pelaksanaan dan kategori projek yang akan diaplikasikan bagi setiap projek cadangan.

TINDAKAN CADANGAN PROJEK RT DAERAH TAMPIN 2035		
sebarang tindakan projek cadangan		Pengelasan cadangan mengikut fasa pelaksanaan
		
PROJEK 'QUICK WIN'	PROJEK SOKONGAN	PROJEK BERIMPAK TINGGI
<p>Projek yang memberikan manfaat dan dilaksanakan dalam jangka masa pendek/segera dan perlu dilaksanakan dalam masa lima (5) tahun pertama RT.</p>	<p>Pelaksanaan projek dalam jangka masa panjang dan perlu dilaksanakan dalam jangkaan kurang daripada sepuluh (10) tahun.</p>	<p>Pelaksanaan projek berpotensi memberi impak jangka masa Panjang kepada ekonomi daerah serta membantu dalam peningkatan pada pekerjaan dan menarik pelaburan luar. Projek yang dicadangkan perlu penyelarasian di peringkat persekutuan, negeri dan daerah.</p>
FASA PERTAMA (FASA 1)		<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bermula 2020 hingga 2025
FASA KEDUA (FASA 2)		<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bermula 2025 hingga 2030
FASA KETIGA (FASA 3)		<ul style="list-style-type: none"> ✓ Bermula 2030 hingga 2035

Indikator Pemantauan Rancangan Tempatan

Pemantauan Draf RT Daerah Tampin 2035 adalah mengikut skop pemantauan yang dinilai dengan beberapa aspek yang diselaraskan antara MDT dengan jabatan/agensi yang terlibat dalam pelaksanaan pembangunan.

Skop Pemantauan	Aspek Penilaian
Cadangan/Projek	Penilaian Pemantauan adalah berdasarkan cadangan/projek mengikut teras pembangunan RT Daerah Tampin 2035.
Indikator Cadangan	Menilai tahap pencapaian cadangan/projek melalui indikator sebagai ukuran.
Sasaran Projek	Mengkaji status pelaksanaan cadangan/ projek RT oleh agensi pelaksana melalui penilaian pencapaian sasaran.

Bil	SENARAI PROJEK CADANGAN/TINDAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	AGENSI PELAKSANA	'QUICK WINS' (2020-2025)	PROJEK SOKONGAN (2025-2030)	PROJEK BERIMPAK TINGGI (2030-2035)
TERAS 1	PERANCANGAN GUNA TANAH FIZIKAL LESTARI					
1.2A	Cadangan Menjadikan Kualiti Air Sungai Sekurang-Kurangnya Berada dalam Kelas II, Kategori Bersih					
i	Membina loji rawatan air sisa bagi pasar awam dan kedai makan	RM 9.225 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan • Jabatan Perkhidmatan Pembetungan • Indah Water Konsortium • Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri Sembilan • Pemaju Swasta 	/	/	
ii	Menyelenggara loji rawatan kumbahan secara berkala	RM 450 Ribu		/	/	
iii	Menyediakan perangkap sampah di bahagian outlet kesemua sistem perparitan yang bersambungan terus ke sungai	RM 6.5 Juta		/	/	/
1.2B	Cadangan Meningkatkan Kesedaran Awam Dalam Kalangan Orang Ramai					
i	Menganjurkan Program Pendidikan dan Pengindahan Sungai	RM 500 Ribu	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Alam Sekitar Negeri Sembilan • Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan • Pemaju Swasta 	/	/	
1.3A	Cadangan Mengurangkan Risiko Kejadian Banjir					
i	Melaksanakan pelan tebatan banjir	RM 4.9 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan • Pemaju swasta 	/		
1.3B	Cadangan Membangunkan Teknologi Pengesan Kejadian / Bencana					
ii	Menyediakan sistem ramalan dan amaran banjir	RM 1 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Pengairan dan Saliran Negeri Sembilan • Jabatan Meteorologi Malaysia 	/		
1.4A	Cadangan Memperingkatkan Kemudahan Jalur Lebar					
i	Memberi keutamaan kepada rancangan pembangunan kabel gentian optik berkelajuan tinggi dengan jajaran gentian seluruh kawasan kajian bagi mempercepatkan akses jalur lebar dan penghantaran data secara lebih meluas, cekap dan berkesan	RM 4.5 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) • Rangkaian Minang (NS) Sdn Bhd • Syarikat-Syarikat Telco 	/	/	
ii	Pengenpastian rizab tanah bagi pemasangan laluan kabel dan gentian baru					
iii	Penerapan penggunaan Information and Communication Technology (ICT) kepada masyarakat setempat					

Bil	SENARAI PROJEK CADANGAN/TINDAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	AGENSI PELAKSANA	'QUICK WINS' (2020-2025)	PROJEK SOKONGAN (2025-2030)	PROJEK BERIMPAK TINGGI (2030-2035)
1.4B	Cadangan Pengurusan Sumber Air Yang Bersepadu					
i	Mengurangkan Kadar Non Revenue Water (NRW) Daripada 31.0%* Kepada 27.53 % (unjuran pihak SAINS) sehingga tahun 2035.	RM 5.0 Juta	• Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)	/		
ii	Meningkatkan Julat Rizab (Reserve Margin) Sehingga 20% Seperti Yang Ditetapkan Oleh SPAN Sebanyak 15-20%.					
1.4C	Cadangan Penyediaan Kemudahan Bekalan Elektrik Yang Mencukupi					
i	Meningkatkan Kapasiti PMU Sedia Ada Dan Pembinaan PMU Baru Seiring Dengan Pertambahan Permintaan Bekalan.	RM 6.0 Juta	• Tenaga Nasional Berhad (TNB)	/		
ii	Peningkatan Kecekapan Perkhidmatan Kepada Kerosakan Yang Dinilai Melalui Indeks Saidi Dipertingkatkan.					
iii	Pengenalphastian Rizab Lot Bagi Cadangan Peletakan Tapak PMU/PPU Untuk Keperluan Bekalan Elektrik Akan Datang.					
1.5A	Cadangan Penghapusan Atau Penggantian Tangki-tangki Septik Individu Dan Komunal Secara Berperingkat					
i	Meningkatkan peratusan penduduk yang mendapat akses loji rawatan kumbahan moden (berdasarkan kuantiti PE terpasang)	RM 5.5 Juta	• Jabatan Perkhidmatan Pembetungan (JPP) • Indah Water Konsortium (IWK)	/	/	
ii	Mengkaji penggunaan Centralized Sewerage Treatment Plant (CSTP) di kawasan-kawasan berkepadatan tinggi					
1.6A	Cadangan Pelaksanaan Projek Tebatan Banjir Serta Naiktaraf Sistem Saliran Bagi Mengatasi Masalah Banjir					
i	Perlaksanaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB)	RM 2.0 Juta	• Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) • Majlis Daerah Tampin	/	/	/
ii	Menaik taraf Sistem Perparitan					
1.6B	Cadangan Menyediakan Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu Dengan Sistem Rawatan Sisa Berlandaskan Teknologi Dan Tumpuan Kepada Pengawalan Terhadap Pencemaran					
i	Pembinaan Stesen Pemindahan Sisa Pepejal di Lot 1533, Keru Tampin	RM 6 Juta	• Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pemberisihan Awam (SWCorp) • Majlis Daerah Tampin	/	/	
ii	Memperkenalkan kaedah Pengkomposan Sisa	RM 2.5 Juta		/		
iii	Meningkatkan kadar kitar semula kepada 25% pada tahun 2035	RM 2.5 Juta		/		

Bil	SENARAI PROJEK CADANGAN/TINDAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	AGENSI PELAKSANA	'QUICK WINS' (2020-2025)	PROJEK SOKONGAN (2025-2030)	PROJEK BERIMPAK TINGGI (2030-2035)
1.7A	Cadangan Menaik Taraf Jalan Sedia Ada					
i	Menaik taraf jalan sedia ada	RM 653 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Kerja Raya (JKR) 	/	/	
1.7B	Cadangan Membina Jalan Baru					
i	Membina jalan baru	RM 187.61 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Kerja Raya 	/	/	/
1.7C	Cadangan Mengubah Sirkulasi Jalan Dua Hala Kepada Sehala					
i	Menukar sirkulasi rangkaian jalan dua hala kepada satu hala di Bandar Tampin	-	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Kerja Raya 	/		
1.7D	Cadangan Membina Laluan Pejalan Kaki					
i	Membina rangkaian laluan pejalan kaki di setiap bandar utama di Daerah Tampin	RM 2.6 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Kerja Raya 	/	/	
1.7E	Cadangan Membina Laluan Basikal					
i	Membina rangkaian laluan basikal di setiap bandar utama di kawasan kajian RT Daerah Tampin	RM 1.9 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Jabatan Kerja Raya 	/	/	
1.8A	Cadangan Menambah Kekerapan Perkhidmatan Bas					
i	Penambahan perkhidmatan bas dan kekerapan bas	RM 2.24 Juta	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Kerajaan Negeri • Syarikat Bas 		/	/
ii	Pemberian insentif kepada pengguna bas seperti potongan harga untuk pembelian pas bulanan					
1.8B	Cadangan Menyediakan Perkhidmatan Komuter					
i	Menyediakan perkhidmatan komuter yang menghubungkan kawasan RT Daerah Tampin dan bandar di sekitarnya	-	<ul style="list-style-type: none"> • KTM Berhad 	/	/	
1.8C	Cadangan Zon Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD)					
i	Membina rangkaian laluan pejalan kaki	-	<ul style="list-style-type: none"> • Majlis Daerah Tampin • Perbadanan Aset Keretapi • Jabatan Kerja Raya • Pemaju Swasta 	/	/	/
ii	Membina rangkaian laluan basikal					
iii	Membina park and ride					
iv	Mewujudkan zon pembangunan <i>Transit Oriented Development (TOD)</i>					

Bil	SENARAI PROJEK CADANGAN/TINDAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	AGENSI PELAKSANA	'QUICK WINS' (2020-2025)	PROJEK SOKONGAN (2025-2030)	PROJEK BERIMPAK TINGGI (2030-2035)
1.9A	Cadangan Perletakan Petak TLK					
i	Menempatkan Tempat Letak Kenderaan (TLK) berpusat di Bandar Gemas	RM 7.48 Juta	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tampin Perbadanan Aset Keretapi 	/	/	/
TERAS 2 PEMBANGUNAN EKONOMI BERDAYA MAJU						
2.1A	Cadangan Pembangunan Semula Kawasan Perniagaan Yang Usang Dan Terbiar					
i	Meroboh dan membina semula lot-lot perkedai yang usang	RM 350 Ribu/unit	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tampin Pejabat Tanah dan Daerah Tampin Jabatan Kerja Raya (JKR) Tenaga Nasional Berhad (TNB) Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pemilik Bangunan atau Pemilik Lot 	/	/	
2.1B	Cadangan Menambah Komponen Aktiviti Perniagaan Di Pusat Bandar					
i	Menambah kemudahan dan pengisian komponen aktiviti perniagaan di Kompleks Tampin Square	RM 3 Juta	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tampin Pejabat Tanah dan Daerah Tampin Pemilik Kedai / Premis 	/	/	
ii	Menaik taraf bangunan dan pengisian komponen aktiviti dan kemudahan awam di Pasar Besar Tampin	RM 11.5 Juta				
iii	Mempertingkatkan kualiti struktur bangunan dan pengisian komponen kemudahan di Pasar Gemencheh	RM 10 Juta				
iv	Mempertingkatkan kualiti struktur bangunan dan pengisian komponen kemudahan di Pasar Gemas	RM 13 Juta				
2.1C	Cadangan Mengukuhkan Fungsi Dan Hierarki Pusat-pusat Perniagaan					
i	Mewujudkan kepelbagaiannya komponen aktiviti perniagaan utama iaitu formal dan informal di Pusat Bandar Tampin	-	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tampin Pejabat Tanah dan Daerah Tampin Pemilik Lot/ Kedai / Premis 	/	/	
ii	Mewujudkan kepelbagaiannya komponen aktiviti perniagaan utama iaitu formal dan informal Bandar Gemas dan Gemencheh	-			/	/
iii	Mewujudkan kepelbagaiannya komponen aktiviti perniagaan utama iaitu formal dan informal di Pusat perniagaan pekan kategori C dan D	RM 34 Juta		/	/	/
2.1D	Cadangan Merancang Aktiviti Perniagaan Mengikut Keutamaan Nukleus Pertumbuhan Bagi Meningkatkan Tarikan Kepada Pelbagai Kelompok Pengguna					
i	Membangunkan kompleks perniagaan atau pasaraya (<i>hypermarket</i>)	RM 20 Juta	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tampin Pejabat Tanah dan Daerah Tampin Pemaju Swasta 	/	/	/

Bil	SENARAI PROJEK CADANGAN/TINDAKAN	ANGGARAN KOS (RM)	AGENSI PELAKSANA	QUICK WINS 'QUICK WINS' (2020-2025)	PROJEK SOKONGAN (2025-2030)	PROJEK BERIMPAK TINGGI (2030-2035)
